

*Isu pemberi pinjam wang tak patuh arahan*

# Penguat kuasa tak cukup pantau along

Masalah perlu dibanteras segera elak lebih ramai jadi mangsa

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jumlah penguat kuasa di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) didakwa tidak mencukupi untuk memantau kegiatan syarikat pinjaman wang berlesen yang mengenakan peraturan di luar undang-undang.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata masalah yang

berlurutan sejak sekian lama itu harus dibanteras segera bagi mengelakkan lebih ramai individu menjadi mangsa syarikat bertindak seperti along itu.

Katanya, pada masa ini pemantauan diletakkan di bawah KPKT dengan bantuan polis yang hanya akan bertindak sekiranya ada unsur kekerasan seperti ugutan dilakukan syarikat pinjaman wang berlesen atau tidak berlesen.

"Mungkin anggota penguat kuasa di bawah KPKT tidak mencukupi memantau dan membanteras kegiatan syarikat pemberi pinjaman wang berlesen yang mengenakan syarat perlu untuk menyerahkan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan kata laluan perbankan dalam talian.

"Kerajaan mungkin boleh menyerahkan tugas pemantauan ini kepada agensi mempunyai penguat kuasa ramai seperti Bank

Negara dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya ketika dihubungi di sini.

BH semalam melaporkan program penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti dilihat gagal menyerlahkan imej baharu yang mahu ditampilkan bagi perkhidmatan itu.

Selepas lapan bulan ia dilancarkan, majoriti syarikat PPW belum memenuhi garis panduan yang ditetapkan KPKT di bawah program itu.

Ini termasuk tidak memasang papan tanda mengikut spesifikasi sebagai Kredit Komuniti.

Setiausaha Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, Noorleza Rajab, dipetik berkata setiap syarikat Kredit Komuniti perlu memasang papan tanda khas bagi membezakannya dengan syarikat pemberi pinjam wang yang tidak

 Kerajaan mungkin boleh menyerahkan tugas pemantauan ini kepada agensi mempunyai penguat kuasa ramai.

**Mohd Yusof Abdul Rahman,**  
Timbalan Presiden FOMCA



berdaftar bagi mengelakkan pengguna terpedaya.

Sehubungan itu, Mohd Yusof berkata, kerajaan juga perlu memperkasakan penerangan kepada masyarakat untuk mengelakkan mereka terpedaya dengan taktik syarikat pinjaman wang yang akhirnya menjerat mereka dengan pelbagai syarat.

"Mungkin sebelum ini ramai terpedaya kerana kekurangan pengetahuan, tetapi perlu juga

diakui bahawa ada peminjam tetap membuat pinjaman berisiko dengan syarikat selain institusi kewangan seperti bank kerana terpaksa.

"Mereka tidak layak membuat pinjaman dari bank atas sebab tertentu, apabila terdesak menggunakan wang dalam keadaan segera terpaksa mendapatkannya daripada syarikat luar mengenaikan faedah tinggi serta syarat tidak masuk akal," katanya.